

Tidak ada AP baru – Najib

Daripada ZULKIFLI
ABDULLAH

BUSAN 10 Mac – Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menegaskan kerajaan tidak pernah mengeluarkan permit import (AP) baru kereta selepas ia dibekukan pada tahun lalu sekali gus menafikan laporan yang mendakwa 3,000 AP telah dikeluarkan kepada 150 syarikat baru-baru ini.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan, kelulusan pemberian AP itu sebenarnya telah dibuat sebelum pembekuan tersebut selepas mengambil kira masalah dihadapi oleh mereka yang terbabit berikutan kereta-kereta import sudah pun berada di pelabuhan.

“Selepas tahun lepas, tidak ada AP (baru) dikeluarkan. Ini hanya soal legasi terhadap masalah lama dan kerajaan mahu menyelesaikannya secara menyeluruh.

“Sebab itu jawatankuasa yang ditubuhkan telah membenarkannya (mengeluarkan AP) selepas Kementerian Pengangkutan membuat penilaian ketat terhadap spesifikasi kereta tersebut,” katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke kilang Samsung Techwin Co. Ltd.

Um - 11/3/2007

sempena lawatan beliau ke Korea Selatan di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan *The Edge* baru-baru ini yang mendakwa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengeluarkan permit berkenaan kepada 150 syarikat baru-baru ini.

Berikutan itu, Menterinya, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, permit tersebut telah diluluskan oleh Najib selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai AP.

Timbalan Perdana Menteri diberi tanggungjawab mengemudi jawatankuasa tersebut selepas bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mempersoalkan isu pemberian AP hingga menimbulkan pelbagai kontroversi.

Kepada satu soalan, Najib berkata, beliau tidak tahu jumlah sebenar pengeluaran AP berkenaan tetapi menjelaskan ia lebih kepada penyelesaian kepada baki permit yang diluluskan sebelum pembekuan dibuat.

“Ini hanya dari segi transisi untuk kita memudahkannya kerana kereta-kereta itu yang sudah pun berada di pelabuhan,” ujarnya.

– Mingguan



NAJIB Tun Razak melawat kilang membina kereta kebal jenis K9 Thunder 155mm Howitzer di Kompleks Kilang Samsung Techwin, di Busan, Korea Selatan, semalam.

– Gambar Bernama